



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROJEK SARJANA MUDA SEMESTER II SESI 2019/2020 SUSULAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID-19

1.0 PENGENALAN

Garis panduan ini bertujuan menyelaraskan penambahbaikan pelaksanaan Projek Sarjana Muda Semester II Sesi 2019/2020 susulan Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19 (PKP) bermula 18 Mac 2020.

2.0 UMUM

Garis panduan ini juga **perlu dibaca bersama** dengan arahan semasa yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan-badan akreditasi berkaitan.

3.0 PRINSIP UTAMA

3.1 Kaedah pelaksanaan Projek Sarjana Muda yang telah dijalankan **perlu diteruskan** dengan mengambil kira penambahbaikan yang perlu dilakukan disebabkan oleh PKP.

3.2 Setiap perubahan yang telah dilaksanakan perlu direkodkan dan disimpan rapi bagi kegunaan audit dalaman dan luaran.

4.0 PELAKSANAAN PROJEK SARJANA MUDA

Kaedah pelaksanaan Projek Sarjana Muda yang dijalankan semasa Perintah Kawalan Pergerakan ini mestilah memenuhi kriteria dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh badan akreditasi.

4.1 Tempoh Pelaksanaan

4.1.1 Pelaksanaan bagi Projek Sarjana Muda perlulah mengikut jumlah Jam Pembelajaran Pelajar (SLT) yang telah ditetapkan. Walaubagaimanapun, tambahan tempoh boleh dilakukan sekiranya melibatkan perubahan terhadap skop kajian yang dijalankan.

4.2 Kaedah Pelaksanaan

4.2.1 Sepanjang tempoh dan selepas PKP, penyeliaan pelajar oleh penyelia adalah secara Pengajaran Jarak Jauh (PJJ) atau dalam talian dengan menggunakan kaedah yang dipersetujui bersama antara penyelia dan pelajar.

4.2.2 Bagi mengelakkan permasalahan pengujian dan kerja-kerja di makmal, kajian yang melibatkan kerja makmal adalah tidak digalakkan. Kajian boleh dijalankan secara simulasi (*simulation*), kaedah berangka (*numerical*), pengaturcaraan komputer (*computer programming*), kajian literatur yang kritikal (*critical literature review*), rekabentuk dan lain-lain yang difikirkan sesuai.

4.3 Kaedah Penilaian

4.3.1 Penilaian PSM haruslah berpandukan kepada rubrik pemarkahan yang telah ditetapkan atau yang telah diubahsuai dengan keadaan semasa.

4.3.2 Selaras dengan SOP yang dikeluarkan oleh pihak KKM dan JPT yang mensyaratkan penjarakkan sosial (*social distancing*), proses penilaian boleh dilaksanakan secara dalam talian, samada menggunakan persidangan video (*video conferencing*), rakaman video (*recorded video*) dan lain-lain medium yang difikirkan sesuai.

Pusat Pembangunan dan Latihan Akademik (CAD)

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

10 Mei 2020